

Perkembangan Bentuk Pakaian  
Wanita Melayu Serta  
Pengaruh nya

Norliah Bte Ahmad

P.T.A.R

I.T.M Shah Alam

## SEPUTAH KATA.

Negara-negara di Asia Tenggara kaya dengan kebudayaan tradisionalnya sejak beratus-ratus tahun dahulu, diantaranya termasuklah pakaian wanita pun terdapat persaingan yang hebat di akhir-akhir kurun ke-20 h.s.

Saya akan memberatkan analisa saya dari segi bentuk pakaian wanita Melayu di rantau sini, terutama di Malaysia dan di negara tetangga yang berdekatan seperti Singapura, Thailand, Indonesia, Philippina dan negara lain yang mempunyai banyak persamaannya jika dilihat dari espek style, pilihan warna dan tujuan atau peranan pakaian dalam hidup mereka sehari-hari.

Bentuk pakaian wanita Melayu yang asasi masih dapat dikekalkan hingga kehari ini dan disinilah letaknya nilai mutu sesuatu bangsa yang tetap mengamalkan atau ingin mengamalkan identiti negara masing-masing. Banyak pengaruh-pengaruh dari dalam dan luar negeri secara sedar atau tidak, telah membawa sumber ilham baru dalam pembentukan pakaian wanita kita, cuma terpulanglah kepada setiap individu itu sendiri menghayakannya mengikut selera masing-masing.

KANDUNGAN .

M.S.

BAHAGIAN 1.

SEJARAH BENTUK PAKAIAN WANITA MELAYU DI RANTAU ASIA TENGGARA .....	
A). BENTUK PAKAIAN SERTA PERSAMANNA .....	1 .
B). FAKTUR PERBENTUKKAN PAKAIAN .....	2 .
1. Faktur Perwatakan.	
2. Faktur Iklim.	
3. Faktur sosial.	
4. Faktur Ugama.	
C). BENTUK PAKAIAN ZAMAN DAHULU .....	5 .
D). BENTUK PAKAIAN TRADISIONAL .....	5 .
1. Bentuk Kemban .	
2). Bentuk Baju Kurung.	
3). Bentuk Baju Kebaya.	

BAHAGIAN 2.

E) ZAMAN PERUBAHAN DAN PERKEMBANGAN BENTUK PAKAIAN WANITA MELAYU .	
Faktur pembaharuan dari segi.	
1). Politik.	
2). Ekonomi.	
3). Sosial.	
F) PERKEMBANGAN BENTUK PAKAIAN TAHUN 50 HAN.....	11.
G) PERKEMBANGAN BENTUK PAKAIAN TAHUN 60 HAN D N 70 HAN.....	41.

KANDONGAN.

M.S..

BAHAGIAN 3.

PERANAN BENTUK-BENTUK PAKAIAN DALAM PENGHIDUPAN

MASA KINI D N MASA AKAN DAT NG.....	51.
H) TUGAS PEREKAI FESYEN .....	52.
I) INDIVIDU D L M BENTUK PAKAIAN .....	54.
J) PERKEMBANGAN BENTUK PAKAIAN DALM PASARAN DUNIA.....	55

PENUTUP.

## BAHAGIAN 1.

### SEJARAH BENTUK PAKAIAN WANITA MELAYU DI RANTAU ASIA

#### TENGGARA.

Mengikut tradisinya pakaian Melayu mempunyai bentuk tertentu yang lebih khusus, iaitu berbentuk "Straight Forward", ataupun terus menanjang. Pakaian ini asasnya terbahagi kepada dua bahagian yang terbesar iaitu baju(blause) dan dipadankan dengan kain atau satu lagi yang berupa pakaian terus ; dari atas bahu hingga keparas kaki.

Sebagai perhiasan yang lain, termasuklah kain sampin, selendang, anak baju, sapu tangan, barang perhiasan diri serta capal atau pengalas kaki.

#### A). BENTUK PAKAIAN SERTA PERSAMAANNYA.

Kebanyakkan pakaian orang di sebelah sini, adalah berasal dari negara masing-masing, Orang Melayu di Asia Tenggara ini maseh mengamalkan cara kebudayaan ketimuran yang tersendiri. Salah satu darinya dalam mengekalkan identiti mereka ialah pakaian.